



LAPORAN PERANGKAAAN SUKU TAHUNAN



SUKU TAHUN KEDUA
(APRIL - JUN)

2011



JABATAN PERUMAHAN NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	i
1. Pelesenan Dan Penguatkuasaan	
A. Pelesenan Perumahan Swasta	1
B. Penguatkuasaan	9
2. Pengurusan Projek Perumahan Bermasalah	
A. Pemantauan Projek Perumahan Swasta.....	12
B. Pengurusan Projek Perumahan Terbengkalai.....	15
3. Bahagian Skim Pinjaman Perumahan (SPP)	17
4. Program Perumahan Rakyat.....	23
5. Pengurusan Setinggal.....	27
6. Pengurusan Bangunan Dan Harta Bersama	28
7. Pengurusan Aduan Oleh JPN	29

PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

A. PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

I. PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN

PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku kedua 2011, sejumlah 418 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) kepada pemaju-pemaju perumahan. Ia merangkumi lesen baru sebanyak 310 lesen (74.60%) dan pembaharuan lesen sebanyak 108 lesen (25.84%).

Pengeluaran lesen pemajuan perumahan pada suku kedua 2011 telah meningkat sebanyak 24 lesen (6.09%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (perbandingan antara suku kedua 2010 dengan suku kedua 2011 [YoY]).Peningkatan ini dicatatkan bagi lesen baru iaitu 13 lesen (4.38%) dan pembaharuan lesen sebanyak 11 lesen (11.34%).

Bagi perbandingan secara suku tahunan (perbandingan antara suku kedua 2011 dengan suku pertama 2011 [QoQ]), pengeluaran lesen pemajuan perumahan telah meningkat sebanyak 26 lesen (6.63%).

JADUAL 1 :

PRESTASI PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN PADA SUKU KEDUA 2011

PENGELUARAN	BILANGAN	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN (YoY)	SUKU TAHUN (QoQ)
LESEN	418	6.09	6.63
BARU	310	4.38	(0.64)
PEMBAHARUAN	108	11.34	(35.00)


PRESTASI PELESENAN MENGIKUT NEGERI

Pembinaan projek perumahan bagi suku kedua 2011 adalah tertumpu di negeri Selangor, Johor dan Perak yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi. Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan projek perumahan berlesen yang tertinggi iaitu sebanyak 104 projek (24.88%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam lesen baru (86 projek). Ini diikuti oleh negeri Johor yang mencatatkan bilangan lesen pemaajuan perumahan sebanyak 71 projek (19.99%) yang merangkumi lesen baru (52 projek) dan pembaharuan lesen (19 projek). Namun demikian, Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya mencatatkan satu projek yang memperoleh lesen baru dan tiada projek perumahan yang mendapat pembaharuan lesen pada suku kedua 2011.

JADUAL 2 :
BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI PADA SUKU KEDUA 2011

NEGERI	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
SELANGOR	86	18	104
JOHOR	52	19	71
PERAK	28	17	45
KEDAH	24	13	37
PULAU PINANG	25	12	37
PAHANG	25	10	35
MELAKA	17	5	22
W.P. KUALA LUMPUR	13	4	17
KELANTAN	15	2	17
TERENGGANU	11	4	15
NEGERI SEMBILAN	10	3	13
PERLIS	3	1	4
W.P.Putrajaya	1	0	1
JUMLAH	310	108	418

**GRAF 1 :
BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI PADA
SUKU KEDUA 2011**



II. PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN

PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku kedua 2011, sejumlah 746 permit iklan dan jualan pemaju perumahan telah dikeluarkan oleh JPN yang merangkumi permit iklan dan jualan baru sebanyak 309 permit (41.42%) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 437 permit (58.58%).

Pengeluaran permit iklan dan jualan pada suku kedua 2011 telah meningkat sebanyak 107 permit (16.74%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh kedua-dua pengeluaran permit iklan dan jualan mencatatkan peningkatan sebanyak 32 permit (11.55%) bagi pengeluaran permit iklan dan jualan baru dan sebanyak 75 permit (20.72%) bagi pembaharuan permit iklan dan jualan.

Bagi perbandingan suku tahunan, pengeluaran permit iklan dan jualan telah meningkat sebanyak 102 permit (15.84%). Kedua-dua jenis permit iklan dan jualan masing-masing mempamerkan peningkatan sebanyak (6.92%) (permit iklan dan jualan baru) dan sebanyak 23.10% (pembaharuan permit iklan dan jualan).

JADUAL 3 :

PRESTASI PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN PADA SUKU KEDUA 2011

PENGELUARAN	BILANGAN	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN (YoY)	SUKU TAHUN (QoQ)
PERMIT DAN IKLAN JUALAN	746	16.74	15.84
BARU	309	11.55	6.92
PEMBAHARUAN	437	20.72	23.10

PRESTASI PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI

Bagi suku kedua 2011, kebanyakan permit iklan dan jualan dikeluarkan kepada pemaju yang melaksanakan projek perumahan di negeri Selangor, Johor dan Perak.


Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan yang mendapat permit iklan dan jualan tertinggi iaitu sebanyak 206 projek (27.61%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam permit iklan dan jualan baru 97 projek serta pembaharuan permit 109 projek. Ini diikuti oleh negeri Johor yang mencatatkan bilangan permit iklan dan jualan projek perumahan sebanyak 127 projek (17.02%) yang merangkumi permit iklan dan jualan baru sebanyak 46 projek dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 81 projek.

Namun begitu, hanya satu pembaharuan permit iklan dan jualan dikeluarkan kepada pemaju perumahan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dari April sehingga Jun 2011.

JADUAL 4 :
BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI PADA
SUKU KEDUA 2011

NEGERI	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
SELANGOR	97	109	206
JOHOR	46	81	127
PERAK	35	51	86
PULAU PINANG	20	42	62
PAHANG	23	38	61
KEDAH	21	39	60
MELAKA	17	20	37
W.P. KUALA LUMPUR	16	20	36
NEGERI SEMBILAN	10	17	27
KELANTAN	11	8	19
TERENGGANU	6	9	15
PERLIS	6	2	8
W.P. PUTRAJAYA	1	1	2
JUMLAH	309	437	746

GRAF 2 :
BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI PADA
SUKU KEDUA 2011



III. UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN

PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku kedua 2011, sebanyak 34,173 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,268 unit (6.64%) adalah rumah kos rendah, 1,846 unit (5.40%) adalah rumah kos sederhana dan 30,059 unit (87.96%) adalah rumah kos bebas.

Bilangan unit rumah yang diluluskan telah meningkat sebanyak 4,219 unit (14.08%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini berlaku dalam kategori rumah kos rendah sebanyak 1,098 (93.85%) dan kos bebas sebanyak 3,125 unit (11.60%).

Bagi perbandingan suku tahun yang sebelumnya, unit rumah yang telah diluluskan mencatatkan peningkatan sebanyak 1,171 unit (3.55%).

JADUAL 5 :

PRESTASI UNIT YANG DILULUSKAN UNTUK PEMBINAAN PADA SUKU KEDUA 2011

KATEGORI HARGA RUMAH	BILANGAN UNIT	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN (YoY)	SUKU TAHUN (QoQ)
SEMUA KATEGORI	34,173	14.08	3.55
KOS RENDAH	2,268	93.85	399.56
KOS SEDERHANA	1,846	(0.22)	11.00
KOS BEBAS	30,059	11.60	(2.67)

Daripada jumlah unit rumah yang diluluskan pada suku kedua 2011, negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan unit rumah yang diluluskan paling tinggi iaitu sebanyak 13,080 unit (38.28%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 3,949 unit (11.56%) manakala kelulusan unit rumah di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah paling rendah iaitu sebanyak 40 unit (0.12%).

PRESTASI UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN MENGIKUT KATEGORI HARGA

Bagi rumah kos rendah, negeri Selangor merupakan penyumbang utama kepada bilangan unit rumah kos rendah yang diluluskan iaitu sebanyak 912 unit (40.21%). Ini diikuti oleh negeri Kedah sebanyak 657 unit (28.97%).

Walau bagaimanapun, tiada unit rumah kos rendah yang diluluskan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Bagi rumah kos sederhana, negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan kelulusan unit rumah tertinggi iaitu sebanyak 566 unit (30.66%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 368 unit(19.93%). Selain itu, tiada unit rumah kos sederhana diluluskan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Perlis dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Semua pemaju perumahan berlesen di Semenanjung Malaysia memperolehi kelulusan pembinaan rumah kos bebas pada suku kedua 2011. Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai paling banyak kelulusan pembinaan rumah kos bebas dengan unit rumah sebanyak 11,602 unit (38.60%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 3,579 unit (11.91%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya terdapat 40 unit rumah diluluskan pada suku kedua 2011.

JADUAL 6 :
BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI PADA SUKU
KEDUA 2011

NEGERI	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA	KO BEBAS	SEMUA JENIS
SELANGOR	912	566	11,602	13,080
JOHOR	2	368	3,579	3,949
WPKL	0	0	3,351	3,351
PULAU PINANG	224	239	2,322	2,785
PERAK	22	0	2,458	2,480
KEDAH	657	0	1,240	1,897
PAHANG	131	129	1,482	1,742
MELAKA	284	36	1,311	1,631
NEGERI SEMBILAN	36	0	1,261	1,297
KELANTAN	0	337	692	1,029
TERENGGANU	0	171	667	838
PERLIS	0	0	54	54
WPP	0	0	40	40
JUMLAH	2,268	1,846	30,059	34,173

B. PENGUATKUASAAN

I. KOMPAUN

PRESTASI KESELURUHAN

Bagi suku kedua 2011, sebanyak 526 notis kompaun yang melibatkan 512 pemaju telah dikeluarkan oleh JPN bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

Jumlah kompaun pada suku kedua 2011 telah meningkat sebanyak 268 notis (103.88%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bilangan pemaju yang dikenakan kompaun dan jumlah kutipan kompaun turut meningkat iaitu sebanyak 276 pemaju (116.95%) dan RM 2,650,500.00 (548.19%).

Bagi perbandingan suku tahunan, pengeluaran notis kompaun dan bilangan pemaju dikompaun telah menurun 77 notis (12.77%) dan 84 pemaju (14.09%). Manakala, kutipan kompaun pula mempamerkan peningkatan sebanyak RM 1,809,100.00 ataupun 136.55%.

**JADUAL 7 :
STATISTIK KOMPAUN PADA SUKU KEDUA 2011**

PERKARA	JUMLAH	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN (YoY)	SUKU TAHUN (QoQ)
NOTIS KOMPAUN	526	103.88	(12.77)
PEMAJU DIKOMPAUN	512	116.95	(14.09)
KUTIPAN KOMPAUN	RM 3,134,000	548.19	136.55


**JADUAL 8 :
STATISTIK KOMPAUN MENGIKUT BULAN BAGI SUKU KEDUA 2011**

BULAN	KESALAHAN		BILANGAN PEMAJU DIKOMPAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
	AKTA	PERATURAN		
APRIL	66	19	85	779,500.00
MEI	139	46	185	1,149,500.00
JUN	209	47	245	1,205,000.00
JUMLAH	414	112	512	3,134,000.00

PRESTASI KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN

Kegagalan mengemukakan Laporan Audit (Seksyen 7 (e)) merupakan kesalahan paling banyak dikenakan kompaun iaitu sebanyak 409 notis (77.76%). Ini diikuti oleh kesalahan Iklan dan Penjualan Peraturan 6 (1) sebanyak 111 notis (21.10%) dan kesalahan gagal mengemukakan Laporan Kemajuan Projek (Seksyen 7 (f)) sebanyak 5 notis (0.95%).

**GRAF 3 :
JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN PADA SUKU KEDUA 2011**



II. PENDAKWAAN

PRESTASI KESELURUHAN

Bagi suku kedua 2011, sebanyak 65 kes yang melanggar peruntukan di bawah Akta 118 dan Peraturan-Peraturan berkaitan telah didaftarkan di mahkamah untuk didakwa. Sebanyak 1 kes telah diselesaikan dan baki 64 kes masih berjalan di mahkamah.

JADUAL 9 :

STATISTIK PENDAKWAAN DARI APRIL HINGGA JUN 2011

BULAN	JUMLAH KES BARU YANG DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH	JUMLAH KES MASIH BERJALAN DI MAHKAMAH	JUMLAH SELESAI
APRIL	10	9	1
MEI	23	23	0
JUN	32	32	0
JUMLAH	65	64	1

III. SENARAI HITAM

Sehingga suku kedua 2011, sebanyak 1,404 orang pemaju serta 5,237 orang Ahli Lembaga Pengarah telah disenarai hitamkan.

PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN BERMASALAH

A. PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA

I. PROJEK LANCAR

Bagi suku kedua 2011, terdapat 3,412 projek berjalan lancar di Semenanjung Malaysia melibatkan 414,257 unit rumah dan 224,584 pembeli.

Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mempunyai bilangan Projek Lancar yang paling tinggi iaitu sebanyak 25.54% ataupun 769 projek yang melibatkan 109,506 unit rumah dan 63,463 pembeli. Ini diikuti oleh negeri Perak sebanyak 20.19% ataupun 689 projek yang melibatkan 77,816 unit rumah dan 45,050 pembeli.

JADUAL 10 :

STATISTIK PROJEK LANCAR MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2011

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	769	109,506	63,463
PERAK	689	77,816	45,050
JOHOR	529	88,402	48,272
PULAU PINANG	347	34,351	17,996
KEDAH	313	16,288	4,600
W.P. KUALA LUMPUR	188	39,908	27,114
PAHANG	186	11,832	4,351
NEGERI SEMBILAN	144	22,170	5,466
MELAKA	94	6,955	4,534
KELANTAN	72	3,607	1,917
TERENGGANU	54	2,661	1,437
PERLIS	27	761	384
JUMLAH	3,412	414,257	224,584

II. PROJEK LEWAT

Bagi suku kedua 2011, bilangan Projek Lewat adalah sebanyak 47 projek yang melibatkan sebanyak 5,675 unit rumah dan 3,716 pembeli.

Bilangan Projek Lewat yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 17 projek (36.17%) dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Pahang yang sama-sama mencatatkan 8 projek (17.02%). Selain itu, tiada Projek Lewat dilaporkan di negeri Perak, Perlis dan Terengganu.

JADUAL 11 :
STATISTIK PROJEK LEWAT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2011

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	17	2,224	1,620
W.P. KUALA LUMPUR	8	1,720	1,246
PAHANG	8	646	301
NEGERI SEMBILAN	4	267	127
JOHOR	4	197	58
KELANTAN	3	427	258
PULAU PINANG	1	144	76
MELAKA	1	45	28
KEDAH	1	5	2
PERAK	0	0	0
PERLIS	0	0	0
TERENGGANU	0	0	0
JUMLAH	47	5,675	3,716

III. PROJEK SAKIT

Bagi suku kedua 2011, bilangan Projek Sakit adalah sebanyak 246 projek yang melibatkan sebanyak 41,927 unit rumah dan 28,454 pembeli.

Bilangan Projek Sakit yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 88 projek (35.77%) dan diikuti oleh negeri Johor dengan 39 projek (15.85%).

JADUAL 12 :
STATISTIK PROJEK SAKIT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2011

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	88	19,823	13,225
JOHOR	39	7,039	5,654
KELANTAN	23	1414	1071
KEDAH	17	3,152	1477
PAHANG	15	1451	1074
W.P. KUALA LUMPUR	14	3,106	2,169
TERENGGANU	14	853	688
PULAU PINANG	13	2,215	1,366
NEGERI SEMBILAN	9	1,521	1014
PERAK	7	810	384
MELAKA	7	543	332
PERLIS	0	0	0
JUMLAH	246	41,927	28,454

B. PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI

I. STATUS PROJEK TERBENGGKALAI

Sehingga 30 Jun 2011, terdapat 116 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 42,397 unit rumah dan 28,565 pembeli. Daripada 116 projek tersebut, sebanyak 28 projek (24.14%) telah dikeluarkan daripada senarai terbengkalai selepas berjaya dipulihkan atau diselesaikan. Di samping itu, sebanyak 54 projek (46.56%) sedang dalam proses pemulihan dan sebanyak 34 projek (29.31%) sedang di peringkat awal perancangan pemulihan.

Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah projek perumahan terbengkalai telah meningkat sebanyak 5 projek (4.50%). Dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh JPN, bilangan projek yang telah diselesaikan dan dikeluarkan daripada senarai terbengkalai telah meningkat sebanyak 5 projek (33.33%) berbanding dengan suku pertama tahun 2011. Namun demikian, bilangan projek yang sedang dalam proses pemulihan mencatatkan penurunan sebanyak 2 projek (3.57%), manakala bilangan projek dalam peringkat awal perancangan pemulihan masih kekal 34 projek.


JADUAL 13 :

STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI PADA SUKU KEDUA 2011

STATUS	BILANGAN PROJEK	% PERUBAHAN SUKU TAHUN (QoQ)
PERANCANGAN AWAL	34	0.00
SEDANG DIPULIHKAN	54	(3.57)
DIKELUARKAN DARI SENARAI	28	33.33
JUMLAH	116	4.50

GRAF 4 :

STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI PADA SUKU KEDUA 2011



PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI

Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan terbengkalai paling tinggi iaitu sebanyak 40 projek (21,735 unit rumah dan 16,125 pembeli) dan diikuti oleh negeri Johor iaitu sebanyak 17 projek (7,840 unit rumah dan 3,695 pembeli). Selain itu, negeri yang tidak mencatatkan sebarang projek perumahan terbengkalai adalah negeri Perlis.

JADUAL 14 :

STATISTIK PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2011

NEGERI	BIL. PROJEK	BIL. UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
SELANGOR	40	21,735	16,125
JOHOR	17	7,840	3,695
NEGERI SEMBILAN	16	2,542	1,847
PERAK	9	1,717	930
PULAU PINANG	8	3,298	2,338
KEDAH	7	669	549
PAHANG	7	1,754	1,064
KELANTAN	4	569	404
W.P. KUALA LUMPUR	4	1,442	914
MELAKA	3	810	680
TERENGGANU	1	21	19
PERLIS	0	0	0
JUMLAH	116	42,397	28,565

BAHAGIAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)

I. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

PERMOHONAN

Pada suku kedua 2011, sebanyak 34 permohonan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) telah diterima dan sebanyak 41 permohonan pinjaman SPP telah diluluskan. Ia merangkumi permohonan yang diterima dan diproses pada bulan-bulan sebelumnya. Bagi perbandingan dengan suku tahun yang sama tahun sebelumnya, jumlah permohonan mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 16 permohonan (32.00%) manakala bagi perbandingan suku pertama 2011, jumlah permohonan mencatatkan peningkatan sebanyak 3 permohonan (9.68%). Kelulusan pinjaman SPP juga mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 19 permohonan (86.36%) dan 10 permohonan (32.26%) berbanding dengan suku kedua 2010 dan suku pertama 2011.

JADUAL 15 :
STATISTIK PERMOHONAN PADA SUKU KEDUA 2011

JENIS	BILANGAN	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN (YoY)	SUKU TAHUN (QoQ)
PERMOHONAN	34	(32.00)	9.68
KELULUSAN	41	86.36	32.26

JADUAL 16 :
STATISTIK PERMOHONAN DARI JANUARI SEHINGGA 30 JUN 2011

BULAN	BIL PERMOHONAN	BIL KELULUSAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
APRIL	13	13	330,620.32
MEI	10	15	367,381.32
JUN	11	13	326,373.36
JUMLAH	34	41	1,024,375.00

STATUS KEWANGAN

Sehingga 30 Jun 2011, baki bersih peruntukan tabung adalah berjumlah RM 13,157,916.33. Bayaran yang telah dikeluarkan kepada peminjam adalah sebanyak RM 87,130,971.88 dan baki bayaran yang akan dikeluarkan berjumlah RM 3,256,064.08. Selain itu, jumlah penerimaan bayaran daripada peminjam adalah sebanyak RM 49,268,775.61.

JADUAL 17 :

STATUS KEWANGAN SPP DARI TAHUN 1976 HINGGA 30 JUN 2011

BUTIRAN	RM
PERUNTUKAN TABUNG	70,000,000.00
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN	49,268,775.61
BAYARAN	
PINJAMAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA PEMINJAM	87,130,971.88
PINJAMAN YANG AKAN DIBAYAR (TANGGUNGAN)	3,256,064.08
BAKI BERSIH	13,157,916.33

KUTIPAN BAYARAN BALIK

Dari segi pengutipan bayaran balik pinjaman SPP, sejumlah RM 2,028,125.61 telah diterima daripada 3,233 peminjam pada suku kedua 2011. Jumlah kutipan bayaran balik telah mencatatkan peningkatan sebanyak 78.90% dan sebanyak 43.84 % berbanding dengan suku tahun yang sama pada tahun 2010 dan suku pertama 2011.

TUNGGAKAN BAYARAN

Jumlah tunggakan bayaran menurun sebanyak RM 2,878,839.62 (29.41%) daripada RM 9,788,124.09 kepada RM 6,909,284.47 berbanding suku yang sama tahun 2010. Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah tunggakan berkurang RM 965,161.37 (12.26%).

JADUAL 18 :
STATISTIK KUTIPAN DAN TUNGGAKAN SPP PADA SUKU KEDUA 2011

PERKARA	RM	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN (YoY)	SUKU TAHUN (QoQ)
KUTIPAN	2,028,125.61	78.90	43.84
TUNGGAKAN	6,909,284.47	(29.41)	(12.26)


JADUAL 19 :
KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN (SPP) SEHINGGA 30 JUN 2011

BULAN	KUTIPAN (RM)	BIL. PEMINJAM
APRIL	713,530.36	1,043
MEI	605,901.01	1,011
JUN	708,694.24	1,179
JUMLAH	2,028,125.61	3,233

JADUAL 20 :
TUNGGAKAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2011

NEGERI	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BILANGAN PEMINJAM
KELANTAN	2,682,349.22	826
KEDAH	2,068,307.20	591
PERAK	1,206,497.12	335
TERENGGANU	308,889.23	71
JOHOR	288,727.95	98
PAHANG	175,508.83	63
NEGERI SEMBILAN	62,730.01	13
SELANGOR	51,661.25	14
PERLIS	31,911.35	10
MELAKA	23,662.31	10
W.P.KUALA LUMPUR	9,040.00	1
PULAU PINANG	0.00	0
JUMLAH	6,909,284.47	2,032

GRAF 5 :
TUNGGAKAN BAYARAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2011



RUMAH YANG SIAP DIBINA

Pada suku kedua 2011, sebanyak 24 unit rumah telah siap dibina oleh peminjam SPP. Sehingga 30 Jun 2011, bilangan unit rumah yang dibina oleh peminjam SPP adalah sebanyak 7,840 unit. Daripada jumlah tersebut, 6,368 unit (81.22%) rumah peminjam telah siap dibina manakala bakinya 1,472 unit (18.78%) masih dalam pelbagai peringkat pembinaan.

JADUAL 21 :

STATUS PEMBINAAN RUMAH DIBAWAH SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2011

NEGERI	BILANGAN PEMOHONAN DILULUSKAN (KELULUSAN BERSIH)	UNIT SIAP DIBINA	UNIT DALAM PEMBINAAN
KELANTAN	3,305	2,356	949
KEDAH	1,599	1,464	135
PERAK	1,088	978	110
TERENGGANU	616	514	102
PAHANG	327	267	60
SELANGOR	320	288	32
JOHOR	314	253	61
PERLIS	96	88	8
MELAKA	79	67	12
NEGERI SEMBILAN	78	76	2
W.P.KUALA LUMPUR	13	12	1
PULAU PINANG	5	5	0
JUMLAH	7,840	6,368	1,472

II. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN RAKYAT NEGERI TERENGGANU (SPPRNT)

PERMOHONAN

Pada suku kedua 2011, sebanyak 8 permohonan Skim Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu (SPPRNT) telah diterima. Namun begitu, tiada permohonan mendapat kelulusan pinjaman SPPRNT. Sehingga 30 Jun 2011, sebanyak 19 permohonan masih dalam proses kelulusan.

JADUAL 22 :

STATISTIK PERMOHONAN SPPRNT BAGI SUKU KEDUA 2011

PERKARA	JUMLAH
BILANGAN PERMOHONAN DITERIMA	8
BILANGAN PERMOHONAN DITOLAK	0
BILANGAN PERMOHONAN DALAM PROSES	19
BILANGAN PERMOHONAN DIBATAL	0
BILANGAN PERMOHONAN DILULUSKAN	0

KEDUDUKAN KEWANGAN

Sehingga 30 Jun 2011, baki bersih peruntukan tabung adalah berjumlah RM 3,966,808.09. Bayaran yang telah dikeluarkan kepada peminjam adalah sebanyak RM 13,695,612.97 dan bayaran yang akan dikeluarkan berjumlah RM 294,504.40. Selain itu, jumlah penerimaan bayaran daripada peminjam sebanyak RM 5,659,226.35.

JADUAL 23 :

STATUS KEWANGAN SPPRNT DIBAWAH DANA KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN SEHINGGA 30 JUN 2011

BUTIRAN	RM
PERUNTUKAN ASAL TABUNG	20,000,000.00
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN	5,659,226.35
BAYARAN	
PINJAMAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA PEMINJAM	13,695,612.97
PINJAMAN YANG AKAN DIBAYAR (TANGGUNGAN)	294,504.40
BAKI BERSIH	3,966,808.09

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT(PPR)

I. PRESTASI KESELURUHAN

Sehingga 30 Jun 2011, JPN telah melaksanakan 119 projek PPR (84,268 unit) yang meliputi 88 projek (76,296 unit) PPR Disewa dan 31 projek (7,972) PPR Dimiliki.

Bagi PPR Disewa, sebanyak 61 projek yang mengandungi 60,136 unit telah siap dibina, manakala 23 projek (14,910 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Bagi PPR Dimiliki pula, sebanyak 21 projek (3,030 unit) telah pun siap dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO), manakala 5 projek (522 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan.

JADUAL 24 :

STATUS PELAKSANAAN PPR KESELURUHAN SEHINGGA 30 JUN 2011

PROGRAM	JUMLAH PROJEK		JUMLAH PROJEK SIAP		JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN	
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit
PPR DISEWA	88	76,296	61	60,136	23	14,910
I) PPR DISEWA BERSEPADU	53	53,348	49	49,768	4	3,580
II) PPR DISEWA DASAR BARU	35	22,948	12	10,368	19	11,330
PPR DIMILIKI (PAHANG)	31	7,972	21	3,030	5	522
JUMLAH	119	84,268	82	63,166	28	15,682

II. STATUS PENGISIAN PPR DISEWA

Bagi PPR Disewa, sebanyak 56,020 unit telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pengisian sehingga 30 Jun 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52,159 unit (93.11%) telah disewakan berbanding 49,408 unit pada 31 Mac 2011 iaitu dengan peningkatan sebanyak 2,751 unit (5.57%). Baki unit yang belum disewakan adalah sebanyak 4,041 unit (7.21%). Secara keseluruhan, di antara negeri yang mempunyai banyak kekosongan unit adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1,056 unit (26.13%), negeri Sabah 1,005 unit (24.87%) dan negeri Johor 980 unit (24.25%).

JADUAL 25 :

STATUS PENGISIAN PPR DISEWA MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2011

NEGERI	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH DIISI (UNIT)	BELUM DIISI (UNIT)
W.P. KUALA LUMPUR	28,970	27,914	1,056
SABAH	11,031	10,206	1,005
JOHOR	6,784	5,804	980
SELANGOR	3,304	2,594	710
KEDAH	1,894	1,807	87
PERLIS	1,228	1,102	126
SARAWAK	1,016	1,016	0
PULAU PINANG	698	678	20
PERAK	675	648	27
NEGERI SEMBILAN	420	390	30
JUMLAH	56,020	52,159	4,041

III. KEDUDUKAN TABUNG AMANAH PPR DIMILIKI

Sehingga 30 Jun 2011, baki bersih peruntukan tabung adalah berjumlah RM 211,435,111.84. Bayaran yang telah dibuat kepada kontraktor adalah sebanyak RM 166,597,038.85 dan bayaran yang akan dibayar berjumlah RM 556,525.59. Selain itu, jumlah penerimaan bayaran pembelian rumah PPR Dimiliki adalah sebanyak RM 71,753,115.34.

JADUAL 26 :

STATUS KEWANGAN BAGI TABUNG AMANAH PPR DIMILIKI HINGGA 30 JUN 2011

BUTIRAN	RM
PERUNTUKAN TABUNG	747,000,000.00
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN	71,753,115.34
BAYARAN	
PINJAMAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA PEMINJAM	166,597,038.85
PINJAMAN YANG AKAN DIBAYAR (TANGGUNGAN)	556,525.59
BAKI BERSIH	211,435,111.84

IV. STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI

Sehingga 30 Jun 2011, sebanyak 3,030 unit telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk dijual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,904 unit (95.84%) telah dijual dan diserahkan kunci kepada pembeli, sementara baki sebanyak 126 (4.20%) unit adalah masih kosong dan dalam proses penjualan.

JADUAL 27 :**STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI SEHINGGA 30 JUN 2011**

BIL.	PROJEK PPR (M)	UNIT	BIL. UNIT DIJUAL	BIL. UNIT KOSONG
	Daerah Rompin			
1	Muadzam Shah	150	148	2
2	Parit Raja	150	150	0
	Daerah Lipis			
3	Kerambit	100	100	0
4	Padang Tengku	100	100	0
	Daerah Maran			
5	Jengka	300	300	0
	Daerah Bera			
6	Bukit Mendi	150	150	0
	Daerah Raub			
7	Batu 17, Tersang	150	128	22
8	Tanjung Putus	100	100	0
	Daerah Temerloh			
9	Bolok Hilir	150	150	0
10	Pamah Kaseh	150	150	0
11	Paya Sok	100	66	34
	Daerah Pekan			
12	Tg. Agas	150	150	0
13	Paloh Hinai	150	150	0
14	Kuala Pahang	318	318	0
15	Tg. Selangor Fasa I	100	100	0
16	Tg. Selangor Fasa II	62	57	5
17	Tg .Batu	150	135	15
	Daerah Kuantan			
18	Kg. Hijrah	150	150	0
19	Kg. Baru Gambang	150	150	0
	Daerah Jerantut			
20	Ibol Tunggal	100	100	0
	Daerah Rompin			
21	Leban Chondong	100	52	48
JUMLAH KESELURUHAN		3,030	2,904	126

PENGURUSAN SETINGGAN

Sehingga 30 Jun 2011, bilangan keluarga setinggal yang masih belum diselesaikan adalah sebanyak 81,211 keluarga. Berbanding dengan 31 Mac 2011, bilangan keluarga setinggal telah menurun sebanyak 5,096 keluarga (5.90%).

Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai paling ramai setinggal iaitu 37,965 keluarga (46.75%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 10,428 keluarga (12.84%), manakala negeri Melaka hanya mempunyai 29 keluarga setinggal (0.04%) dan merupakan negeri yang mempunyai bilangan keluarga setinggal yang paling rendah.

JADUAL 28 :
STATISTIK SETINGGAN SEHINGGA 30 JUN 2011

NEGERI	BIL. KELUARGA	BIL. AHLI KELUARGA	BIL. BANGUNAN
Sabah	37,965	142,187	25,328
Johor	10,428	TM	10,428
Sarawak	8,783	35,233	7,972
Perak	4,497	17,988	4,497
Pulau Pinang	3,438	15,523	2,075
W.P. Kuala Lumpur	3,364	16,820	3,364
Selangor	3,299	TM	4,073
Kedah	3,015	15,070	3,015
Perlis	1,832	8,670	1,832
Kelantan	1,431	5,828	1,392
Pahang	1,133	4411	934
W.P. Labuan	969	5,521	969
Terengganu	682	2,206	613
Negeri Sembilan	346	585	239
Melaka	29	99	29
JUMLAH	81,211	*	66,760

NOTA :

* - Jumlah bil. ahli keluarga dan bilangan komposisi kaum tidak dapat diperolehi kerana ada negeri-negeri tiada maklumat tersebut.

TM - Tiada Maklumat

PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA

Sehingga 31 Disember 2010, bilangan kawasan pemajuan iaitu tanah hak milik muktamad yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada unit dibina atau sedang dalam pembinaan adalah sebanyak 13,023.

Sejumlah 5,437 aduan telah diterima oleh unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi seluruh Semenanjung Malaysia bagi suku kedua 2011. Daripada jumlah aduan yang diterima, aduan mengenai Khidmat Nasihat merupakan yang utama yang diterima iaitu sebanyak 1,913 aduan (35.18%), diikuti oleh aduan berkaitan Pentadbiran dan Pengurusan yang mencatatkan jumlah aduan sebanyak 1,085 aduan (19.96%). Bilangan aduan mengenai Penguatkuasaan COB merupakan aduan yang terendah diterima iaitu 164 aduan (3.02%).

Negeri Selangor mencatatkan bilangan aduan tertinggi iaitu sebanyak 2,195 aduan (40.37%) dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan sebanyak 985 aduan (18.11%).

JADUAL 29 :
STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA OLEH COB DI PBT MENGIKUT NEGERI DAN JENIS BAGI SUKU KEDUA 2011

NEGERI	JENIS ADUAN							JUMLAH ADUAN
	Khidmat Nasihat	Pentadbiran dan Pengurusan	Penyenggaraan dan Kerosakan	Isu Kewangan	Mesyuarat dan Pemilihan	Lain - Lain	Penguatkuasaan COB	
SELANGOR	1,079	219	241	295	155	158	48	2,195
W. PERSEKUTUAN	205	219	90	94	206	137	34	985
PULAU PINANG	148	304	134	149	132	9	2	878
JOHOR	283	268	162	55	81	4	13	866
NEGERI SEMBILAN	46	39	24	40	11	3	57	220
MELAKA	116	10	20	15	9	2	3	175
PAHANG	25	12	10	11	12	1	7	78
PERAK	7	6	7	2	2	0	0	24
KEDAH	2	3	1	1	0	0	0	7
TERENGGANU	0	5	0	1	1	0	0	7
KELANTAN	2	0	0	0	0	0	0	2
PERLIS	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	1,913	1,085	689	663	609	314	164	5,437

PENGURUSAN ADUAN OLEH JPN

Sehingga 30 Jun 2011, sebanyak 1,582 aduan berkaitan perumahan telah diterima oleh JPN dari pelbagai sumber. Sebanyak 1,498 aduan (94.70%) telah diselesaikan dan bakinya masih dalam tindakan. Kebanyakan aduan yang masih dalam tindakan adalah aduan dalam kategori teknikal dan rumit untuk diselesaikan.

Saluran aduan yang paling banyak digunakan oleh pengadu adalah melalui surat/faks iaitu sebanyak 428 aduan (27.10%). Ini diikuti melalui telefon sebanyak 311 aduan (19.70%). Saluran aduan yang paling kurang digunakan oleh pengadu adalah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) iaitu sebanyak 1 aduan (0.10%).

JADUAL 30 :
BILANGAN ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN OLEH JPN BAGI SUKU KEDUA 2011

TINDAKAN	JUMLAH ADUAN
TERIMA	1,582
DALAM TINDAKAN	54
% DALAM TINDAKAN	5.30%
SELESAI	1,498
% SELESAI	94.70%

GRAF 6 :
SUMBER ADUAN SEHINGGA 30 JUN 2011

